



## The Observer

*Deloitte sedang menganjurkan Soal Selidik Conduct Watch Asia Pasifik yang julung-julung kali diadakan untuk mendapatkan pandangan tentang sikap dan keupayaan rantau ini terhadap tukang adu ('whistleblowing'). Pengurusan Kanan, 'C-Suite' (eksekutif berpangkat tinggi ('Chief') dalam organisasi) atau individu dalam Lembaga Pengarah yang mempunyai tanggungjawab atau pengawasan berkaitan tukang adu adalah digalakkan untuk mengambil bahagian dalam soal selidik ini. Keputusan tinjauan ini akan diterbitkan pada 23 Jun 2023 dalam Laporan Soal Selidik Conduct Watch Asia Pasifik 2023.*



*Sila klik [pautan](#) atau imbas kod QR untuk mengakses soal selidik tersebut.*

**28.04.2023**

### ❖ **Tawaran penswastaan yang “tidak adil tapi munasabah” untuk Boustead daripada LTAT**

Boustead Holdings Berhad ialah sebuah syarikat induk yang mempunyai penggearan yang tinggi. Anak syarikatnya pula berdepan pelbagai cabaran perniagaan yang getir, daripada isu berkaitan kontrak kapal tempur pesisir (*littoral combat ship*, LCS) bernilai RM9.13 bilion dalam Boustead Heavy Industries Corporation Berhad (BHIC) kepada Pharmaniaga Berhad yang kini diletakkan dalam senarai Nota Amalan 17 (*Practice Note*, PN17). Kita memahami mengapa sesetengah pemegang saham minoriti mengalu-alukan tawaran pengambilalihan secara sukarela dan bersyarat oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT atau 'Pembuat Tawaran') untuk memperoleh baki saham dalam Boustead Holdings Berhad.

Kenanga Investment Bank Berhad (KIBB), penasihat bebas Tawaran itu, menganggap harga tawaran 85.5 sen sesaham oleh LTAT sebagai “tidak adil tetapi munasabah”.

Tawaran itu dianggap tidak adil kerana nilai itu diterjemahkan kepada diskaun antara 45.3% dan 51.7% daripada anggaran penilaian jumlah bahagian-bahagian (*sums-of-parts*, SOP) Boustead iaitu antara RM1.563 dan RM1.751 sesaham.

Walau bagaimanapun, penasihat mengesyorkan pemegang saham Boustead supaya menerima Tawaran itu, kerana ia menganggap Tawaran itu munasabah memandangkan ia mewakili premium antara 15.64 sen (22.39%) dan 23.63 sen (38.19%) daripada harga purata pasaran volum saham Boustead dalam tempoh lima hari, sebulan, tiga bulan, enam bulan dan setahun, sehingga dan termasuk hari dagangan terakhir (1 Mac 2023, sebelum tarikh notis tawaran pengambilalihan diterima oleh lembaga pengarah Boustead) iaitu antara 61.87 sen dan 69.86 sen. Ini mungkin sebab yang paling munasabah untuk menerima Tawaran tersebut. Sehingga 27 April, saham Boustead didagangkan pada harga 85.5 sen.

Kedua, KIBB seterusnya menyatakan bahawa LTAT tidak berhasrat untuk mengekalkan status Boustead sebagai syarikat tersenarai. Oleh itu, Pembuat Tawaran tidak akan mengambil apa-apa langkah untuk menangani sebarang kekurangan dalam sebaran pegangan saham awam Boustead sekiranya Boustead tidak memenuhi keperluan sebaran awam selepas tarikh tutup.

Pegangan saham LTAT dalam Boustead sudah melepasi paras kritikal 75% kepada 75.08% (pada 26 April 2023 seperti yang dinyatakan dalam pengumuman kepada Bursa Malaysia). Sebaran pegangan saham awam Boustead pula kini berada di bawah ambang 25% yang diperlukan di bawah Perenggan 8.02(1) Syarat-syarat Penyenaraian bagi mengekalkan status penyenaraian.

Akhir sekali, kewajaran Tawaran terletak pada hakikat bahawa tiada tawaran lain yang bersaing atau tawaran alternatif untuk saham Boustead atau perniagaan, aset serta liabilitinya.

### **Maklumat latar belakang**

Berdasarkan saham terkumpul yang berjumlah 822.51 juta atau 40.58% daripada Boustead, LTAT dijangka membelanjakan RM703.25 juta dalam usaha penswastaaan itu.

Pembuat Tawaran menegaskan bahawa tawaran pengambilalihannya tidak dikenakan syarat pada mana-mana tahap penerimaan minimum kerana ia sudah pun memegang lebih daripada 50% saham mengundi dalam Boustead.

Walau bagaimanapun, Tawaran adalah bersyarat atas kelulusan Menteri Kewangan, tertakluk kepada syor Bank Negara Malaysia (BNM) dan kelulusan di bawah Seksyen 87 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (FSA) serta Seksyen 99 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA) untuk membenarkan pemberi tawaran memperoleh sehingga 100% kepentingan ekuiti dalam Boustead.

Selain itu, LTAT menyatakan Tawaran itu bersyarat dengan penepian daripada bank pusat daripada mematuhi Seksyen 110 FSA dan Seksyen 122 IFSA berhubung keperluan untuk LTAT dan/ atau syarikat yang dicalonkannya diluluskan sebagai syarikat pemegang kewangan Affin Bank Berhad dan entiti berlesen lain yang berkaitan.

“Syarat-syarat ini mesti dipenuhi dalam tempoh 21 hari selepas tarikh tutup pertama, seperti yang ditetapkan dalam Peraturan Pengambilalihan, Percantuman dan Pengambilan Paksa yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti.”

Paling utama, LTAT menjelaskan bahawa pelaksanaan itu akan memberikan lebih fleksibiliti kepada dana untuk melaksanakan rancangan pemulihan ke atas Boustead sebagai sebahagian daripada objektifnya bagi memastikan kemampuan dana untuk manfaat Angkatan Tentera Malaysia dan bekas perajurit, selaras dengan rancangan transformasi LTAT yang sedang dilaksanakan.

Untuk kejelasan, Tawaran itu tidak akan menyebabkan wujudnya tawaran mandatori oleh LTAT untuk memperoleh kesemua baki saham mengundi dalam anak-anak syarikat Boustead, iaitu Affin Bank, Boustead Plantations Berhad, BHIC dan

Pharmaniaga yang masih belum dipegang oleh LTAT memandangkan LTAT sudah pun mempunyai kawalan statutori ke atas Boustead.

### **Keputusannya**

Berdasarkan alasan yang diketengahkan sebelum ini dan tanpa tawaran yang bersaing/ tawaran alternatif, adalah wajar untuk menganggap tawaran LTAT sebagai peluang bagi pemegang saham Boustead untuk mendapatkan wang mereka pada harga tawaran 85.5 sen sesaham.

Tindakan itu juga dipuji oleh KIBB dan pengarahnya yang tidak berkepentingan memandangkan LTAT tidak berhasrat untuk mengekalkan status penyenaian Boustead.

Alasan ini sahaja boleh menjadi punca kebimbangan kepada pemegang saham minoriti, lebih-lebih lagi apabila LTAT memegang sebahagian besar saham mengundi dalam Boustead, tanpa menyediakan cadangan alternatif. Dengan kepentingan LTAT yang besar dalam Boustead (75.08% pada 26 April 2023), sebarang cadangan alternatif tidak akan berjaya dilaksanakan melainkan dengan persetujuan daripada LTAT.

Melihat gambaran keseluruhan, pemegang saham Boustead mungkin menganggap ini sebagai faktor kelegaan bagi mereka memandangkan BHIC (syarikat 65% milik Boustead) telah bergelut dengan penyelesaian kontrak bernilai RM9.13 bilion yang dianugerahkan oleh kerajaan Malaysia pada tahun 2011 untuk membina enam kapal tempur pesisir (LCS) walhal tiada satu pun kapal telah disiapkan setakat ini.

Tambahan pula, Kumpulan memiliki 52% kepentingan dalam Pharmaniaga, yang diklasifikasikan sebagai penerbit tersenarai yang terjejas di bawah PN17 selepas ia mengalami rugi bersih berjumlah RM644.4 juta dalam suku keempat tahun kewangan 2022 berakhir 31 Disember 2022 berikutan peruntukan yang dibuat bagi inventori vaksin COVID-19 yang bergerak perlahan berjumlah RM552.3 juta.

Selain itu, tahap penggearan Boustead yang tinggi sebanyak 1.28 kali berdasarkan hutang ke atas ekuiti mungkin tidak disenangi oleh pemegang saham. Sebagai perspektif, jumlah pinjamannya berjumlah RM6.79 bilion, dengan hampir 60% atau RM4.04 bilion daripadanya adalah pinjaman jangka pendek yang perlu dibayar dalam tempoh 12 bulan akan datang. Pada masa yang sama, jumlah ekuiti Boustead hanya berjumlah RM5.3 bilion pada 31 Disember 2022.

Perlu diperhatikan juga, nota jangka sederhana Islam berjumlah RM1.6 bilion perlu dibayar balik pada tahun kewangan 2024 dan sukuk kekal (*perpetual*) yang belum dilunaskan sebanyak RM607 juta yang membawa kadar keuntungan yang tinggi antara 9.75% hingga 11.6% setahun (dengan kadar peningkatan sebanyak 1% setahun, tertakluk kepada maksimum 15% setahun).

Memandangkan pendapatan Kumpulan yang tidak menentu dalam tempoh lima tahun yang lalu, ditambah pula dengan proses pemberhentian pelaburan yang mungkin memakan masa, mereka mungkin berdepan cabaran untuk mendapatkan sokongan daripada institusi kewangan untuk membiayai semula hutang sedia ada dan menebus sukuk kekal.

Suatu pengajaran yang boleh diambil oleh pemegang saham minoriti daripada pelaksanaan pengambilalihan oleh LTAT ini ialah dana berkanun atau mana-mana dana atau pemegang saham utama sentiasa boleh memilih penswastan sebagai jalan keluar iaitu apabila syarikat awam tersenarai (PLC) menghadapi situasi kewangan yang teruk secara berterusan walaupun sudah banyak usaha dilakukan untuk memperbaiki prestasinya.

Setiap pemegang saham minoriti mempunyai pilihan sama ada menunggu atau menerima tawaran ini. Keputusan ini juga bergantung pada pelbagai faktor, seperti sama ada harga saham akan mencapai harga tawaran dan jika ia benar-benar berlaku, bilakah masanya?

Sekiranya pemegang saham memilih untuk tidak menerima Tawaran ini, mereka mungkin berakhir sebagai pemegang saham dalam entiti tidak tersenarai jika Boustead dinyah senarai daripada Bursa Malaysia. Jika itu berlaku, mereka mungkin mempunyai peluang yang terhad untuk merealisasikan pelaburan mereka dalam Boustead.

Akhir sekali, memandangkan isu yang dihadapi oleh Boustead semakin bertimpap-timpa, syarikat pasti memerlukan masa (yang bukan sekejap) untuk menyelesaikan masalah mereka.

Ada banyak sebab yang kukuh untuk mewajarkan penerimaan Tawaran ini oleh pemegang saham minoriti.

Seperti biasa, pemegang saham minoriti perlu membuat sendiri keputusan pelaburan yang termaklum, mengikut selera risiko masing-masing.

**Devanesan Evanson**  
**Ketua Pegawai Eksekutif**

---

### **Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 1 hingga 5 Mei 2023**

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my)

<b>Tarikh dan Masa</b>	<b>Syarikat</b>	<b>Tinjauan ringkas</b>
03.05.23 (Rabu) 09.30 pagi	British American Tobacco (Malaysia) Berhad (AGM)	Pendapatan Kumpulan bagi tahun kewangan 2022 menyusut 1.5% tahun ke tahun kepada RM2.60 bilion berikutan penurunan 2.0% dalam volum jualan. Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh penyahsenaraian dua jenama tembakau peringkat pertengahan. Perolehan Kumpulan merosot pada kadar yang lebih tinggi iaitu 8% tahun ke tahun kepada RM262.5 juta

		disebabkan oleh perbelanjaan faedah yang lebih tinggi, perbelanjaan penyusunan semula tidak berulang sebanyak RM18.5 juta dan perbelanjaan cukai yang lebih tinggi, kesan daripada Cukai Makmur (kadar efektif 32% berbanding kadar sebenar 24%).
03.05.23 (Rabu) 10.00 pagi	Malayan Banking Berhad (AGM)	2022 merupakan tahun yang positif bagi Maybank kerana ia mencapai rekod keuntungan bersih berjumlah RM8.23 bilion, yang disokong oleh pendapatan operasi bersih yang lebih tinggi tahun ke tahun serta pertumbuhan pinjaman yang teguh di negara-negara operasi utama. Bank memberikan ganjaran kepada pemegang saham dengan dividen setahun penuh sebanyak 58 sen sesaham, yang diterjemahkan kepada nisbah pembayaran dividen sebanyak 84.6%, melebihi kadar dasarnya iaitu di antara 40% dan 60%.
03.05.23 (Rabu) 01.00 tengah hari	Malayan Banking Berhad (EGM)	Maybank berhasrat mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk menubuhkan sebuah Rancangan Pemberian Saham Pekerja ( <i>Employees' Share Grant Plan, ESGP</i> ) sehingga 3.5% daripada Saham Biasa yang diterbitkan dalam Maybank pada satu-satu masa, serta cadangan pemberian saham Maybank baharu sehingga maksimum 4.9 juta saham Maybank kepada Dato' Khairussaleh Ramli.
03.05.23 (Rabu) 02.00 petang	Westports Holdings Berhad (AGM)	Pendapatan Syarikat bagi tahun kewangan 2022 meningkat sebanyak 2% kepada RM2.07 bilion, meskipun jumlah kontena yang dikendalikan adalah lebih rendah iaitu sebanyak 10.1 juta unit bersamaan 20 kaki ( <i>Twenty-foot Equivalent Units, TEU</i> ) berbanding 10.4 juta TEU setahun yang lalu. Penurunan itu disebabkan oleh jumlah kontena pemunggahan yang lebih rendah.  Bagaimanapun, jumlah kontena yang dikendalikan oleh segmen konvensional berjaya memecahkan rekod iaitu sebanyak 12.1 juta tan

		<p>metrik (MT) pada tahun kewangan 2022 berbanding 11.3 juta MT setahun yang lalu.</p> <p>Melihat daripada aspek kewangan, Westports melaporkan untung sebelum cukai yang lebih rendah berjumlah RM944 juta, kesan daripada peningkatan kos bahan api dan kos sumber manusia serta ketiadaan pemuliharaan insurans.</p>
05.05.23 (Jumaat) 10.00 pagi	Borneo Oil Berhad (EGM)	<p>Borneo Oil berhasrat mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk cadangan penempatan persendirian yang berjumlah sehingga 1.94 bilion saham baharu, yang mewakili kira-kira 20% daripada jumlah keseluruhan saham terbitan Syarikat. Borneo Oil merancang untuk mengumpulkan sehingga RM30.85 juta bagi tujuan modal kerja.</p>

<b>Perkara penting untuk diketengahkan:</b>	
<b>Syarikat</b>	<b>Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan</b>
British American Tobacco (Malaysia) Berhad (AGM)	<p>Keuntungan operasi Kumpulan mencatatkan peningkatan dalam tiga suku pertama tahun 2022 namun menyusut pada suku terakhir disebabkan oleh pemasaran bagi perbelanjaan pemasaran yang dibuat untuk pelancaran produk pemanasan tembakau glo™ Hyper X2 pada suku pertama tahun 2023 (halaman 32 daripada Laporan Tahunan 2022).</p> <p>a) Berapakah jumlah yang dibelanjakan untuk pemasaran pada suku akhir tahun 2022? Jika perbelanjaan pemasaran dikecualikan, adakah keuntungan operasi akan terus meningkat atau adakah ia melibatkan pembolehubah lain?</p> <p>b) Apakah alasan di sebalik keputusan Kumpulan untuk memperkenalkan semula glo™ dalam pasaran, memandangkan produk ini telah dihentikan pada tahun 2020 disebabkan oleh permintaan pengguna yang rendah serta prospek yang terhad untuk produk pemanasan tembakau?</p> <p>c) Apakah sasaran dan jangkaan BAT Malaysia terhadap prestasi kewangan Kumpulan pada masa hadapan?</p>
Malayan Banking Berhad (AGM)	<p>Dengan penelitian yang semakin meningkat terhadap cara bank-bank menjalankan aktiviti pemberian pinjaman mereka, beberapa bank utama menghadapi tuduhan acuh hijau (<i>greenwashing</i>) kerana mereka secara aktif mempromosikan inisiatif hijau namun pada masa yang sama menyembunyikan maklumat tentang pembiayaan mereka yang masih</p>

	<p>diteruskan kepada syarikat yang mempunyai jejak karbon yang tinggi.</p> <p>a) Bagaimanakah Bank dapat mengelak daripada terlibat dengan aktiviti acah hijau?</p> <p>b) Bagaimanakah Bank mengesan penggunaan hasil pembiayaannya? Bagaimanakah Bank memastikan pelanggannya menggunakan kemudahan seperti yang dimaksudkan dan penggunaannya adalah selaras dengan sasaran kemampunan Bank?</p> <p>c) Bagaimanakah Bank mengesahkan atau memperakukan bahawa pinjaman/ pembiayaan/ pelaburan yang berfokuskan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) telah mengotakan janji mereka? Adakah pengesahan sedemikian dibuat secara bebas dan/ atau diperakui oleh pihak luar?</p>
Malayan Banking Berhad (EGM)	<p>Saham bagi Rancangan Pemberian Saham Pekerja (<i>Employees' Share Grant Plan, ESGP</i>) pada Tarikh Letak Hak ESGP boleh diselesaikan melalui peruntukan dan penerbitan Saham Maybank baharu atau secara tunai mengikut budi bicara mutlak Jawatankuasa Penamaan dan Ganjaran (<i>Nomination and Remuneration Committee, NRC</i>) Maybank.</p> <p>a) Apakah situasi yang membolehkan NRC melangsaikan saham ESGP secara tunai? Bagaimanakah penyelesaian tunai saham ESGP diselaraskan dengan kepentingan Pekerja yang Layak kepada pemegang saham Maybank melalui pemilikan bersama?</p> <p>b) Daripada 52.06 juta saham, yang terdiri daripada 11.578 juta saham terletak hak dan 40.484 juta saham yang akan diterbitkan menurut peletakan hak Saham ESGP Sedia Ada, apakah peratusan dan bilangan saham ESGP yang diselesaikan secara tunai?</p>
Westports Holdings Berhad (AGM)	<p>Sewaktu AGM Syarikat yang ke-29 pada tahun lepas, dikongsikan bahawa Westports berhasrat untuk menyelesaikan dan memuktamadkan syarat-syarat konsesi bagi pengembangan Westports 2.0 menjelang suku ke-4 tahun 2022. Apakah status semasa perjanjian konsesi untuk Westports 2.0, iaitu rancangan pengembangan yang diumumkan pada Ogos 2017 apabila syarikat itu secara prinsipnya telah mendapat kelulusan daripada kerajaan untuk mengembangkan kemudahan terminal kontennanya?</p>
Borneo Oil Berhad (EGM)	<p>Borneo Oil kerap melaksanakan aktiviti pengumpulan dana dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini, secara ringkasnya di bawah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Perjanjian langganan saham dengan Macquarie Bank Limited pada November 2020 untuk melanggan 1.2 bilion saham Borneo Oil, mengumpulkan terimaan berjumlah RM36.33 juta.</li> </ul>

	<p>- Penempatan persendirian 1.05 bilion saham Borneo Oil telah dimuktamadkan pada 13 Disember 2022, mengumpulkan terimaan kasar berjumlah RM22.4 juta.</p> <p>Pada masa yang sama, Borneo Oil menubuhkan skim opsyen saham pekerja (<i>employees' share option scheme</i>, ESOS) pada Jun 2020, berjumlah sehingga 15% daripada jumlah saham terbitan Borneo Oil yang diterbitkan kepada pekerja dan pengarahnya.</p> <p>a) Walaupun Cadangan Penempatan Persendirian sudah cukup untuk menangani keperluan kewangan segera Kumpulan, kaedah ini tidak mampan jika dilaksanakan secara berterusan untuk mengumpulkan dana ekuiti bagi membiayai modal kerja dan perniagaan.</p> <p>Apakah penyelesaian bagi memastikan kemampuan perniagaan untuk jangka panjang tanpa terlalu bergantung pada pengumpulan dana ekuiti?</p> <p>b) Memandangkan Cadangan Penempatan Persendirian ini mempunyai kesan pencairan yang ketara, iaitu pencairan pada kadar 20% kepada pemegang saham sedia ada dan diskaun tidak lebih daripada 15% untuk diberikan kepada pelabur bebas bagi Cadangan Penempatan Persendirian, mengapakah pemegang saham sedia ada tidak diberikan peluang untuk mengambil bahagian dalam usaha pengumpulan dana Syarikat?</p> <p>Sila jelaskan bagaimanakah kesan pencairan dan diskaun ini tidak merugikan pemegang saham Borneo Oil yang sedia ada.</p>
--	---

#### PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, ([devanesan@mswg.org.my](mailto:devanesan@mswg.org.my))

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, ([rita.foo@mswg.org.my](mailto:rita.foo@mswg.org.my))

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my))

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([chee.meng@mswg.org.my](mailto:chee.meng@mswg.org.my))

Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([elaine.choo@mswg.org.my](mailto:elaine.choo@mswg.org.my))

Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([cianyai@mswg.org.my](mailto:cianyai@mswg.org.my))

Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([ooi.benghooi@mswg.org.my](mailto:ooi.benghooi@mswg.org.my))

Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([jackson@mswg.org.my](mailto:jackson@mswg.org.my))

Clint Loh, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([clint.loh@mswg.org.my](mailto:clint.loh@mswg.org.my))

---

#### PENDEDAHAN KEPENTINGAN

- *Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.*
- 

#### PENOLAKAN TUNTUTAN

*Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).*

*Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada*



*pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.*

*MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.*

*MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.*